



Headline: Pensyarah wanita rugi RM30,400 ditipu Language: Malay
sindiket Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo Section: Negara
Date: 9 May 2019 Page: 17

Pensyarah wanita rugi RM30,400 ditipu sindiket Macau Scam

SEBERANG PERAI - Seorang pensyarah wanita berusia 36 tahun berputih mata apabila kerugian wang sebanyak RM30,400 selepas dipercayai menjadi mangsa penipuan Macau Scam di sini kelmarin.

Mangsa yang bertugas di sebuah institusi pengajian tinggi awam di negeri ini dikatakan mula terjerat dengan sindiket itu selepas menerima panggilan daripada seorang wanita yang mendakwa dirinya sebagai wakil sebuah syarikat penghantaran.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noor Zainy

Mohd. Noor berkata, suspek memaklumkan kononnya terdapat bungkusan dadah yang dihantar atas nama mangsa ke sebuah rumah yang beralamat di Seremban, Negeri Sembilan.

"Mangsa telah menafikan perkara tersebut sebelum panggilan itu disambungkan kepada individu lain yang mendakwa dirinya sebagai pegawai polis.

"Mangsa kemudian dimaklumkan kononnya dia terlibat dalam kes dadah dan pengubahan wang haram sehingga menyebabkan dia ketakutan," katanya kepada pemberita semalam.

Noorzainy berkata, mangsa yang terpedaya kemudian telah membuat tiga transaksi pindahan wang ke dalam akaun suspek yang kesemuanya berjumlah RM30,400.

"Wang tersebut dikatakan dipindahkan ke dalam akaun pegawai juruaudit Bank Negara Malaysia kononnya bagi tujuan siasatan sebagaimana diarahkan suspek," katanya.

Mangsa kemudian memberitahu suaminya mengenai kejadian itu sebelum membuat laporan polis selepas lelaki tersebut memaklumkan yang dia telah ditipu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.